

## ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, MELAKA

BIL. 3/2019

-----  
**PENDAFTARAN HAKMILIK SEMENTARA DALAM TEMPOH SATU (1) JAM BAGI HAKMILIK PEJABAT TANAH ATAU DALAM TEMPOH 24 JAM BAGI HAKMILIK PENDAFTAR SELEPAS PEMBAYARAN NOTIS 5A DIJELASKAN OLEH PEMOHON BAGI PERMOHONAN TANAH KERAJAAN OLEH INDIVIDU.**  
-----

1. Arahan ini adalah dikeluarkan untuk memaklumkan Pentadbir Tanah dan Pendaftar mengenai penambahbaikan proses kerja pendaftaran hakmilik sementara dalam tempoh satu (1) jam bagi hakmilik Pejabat Tanah dan dalam tempoh 24 jam bagi hakmilik Pendaftar selepas Notis 5A dijelaskan oleh pemohon bagi Permohonan Tanah Kerajaan (PTK) oleh individu.
2. Selaras dengan langkah proaktif dan meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan dan pentadbiran tanah negeri kepada orang awam, penambahbaikan proses kerja ini akan dilaksanakan di peringkat Pentadbiran Tanah Negeri Melaka bagi pendaftaran hakmilik sementara (baru).
3. Bagi kes kerja pengukuran dilakukan oleh pihak Jurukur Berlesen, pemohon hendaklah membuat caruman kepada Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) dan mengemukakan Sijil Akuan Ukur Tanah terlebih dahulu sebelum bayaran Notis 5A boleh diterima.
4. Bagi rujukan Pentadbir Tanah dan Pendaftar, proses kerja bagi pendaftaran hakmilik sementara dalam tempoh satu (1) jam atau 24 jam tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

5. Arahan ini hendaklah mula berkuat kuasa serta merta. Dengan berkuatkuasanya penambahbaikan ini, Pentadbir Tanah adalah diminta mengambil perhatian dan tindakan dalam melaksanakan arahan ini.

**“MELAKA BERWIBAWA”**

**"PINTAR, HIJAU, BERSIH"**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATUK ZAIDI BIN JOHARI)**

Pengarah Tanah dan Galian,  
Melaka.

Tarikh : Ogos 2019

s.k. Setiausaha Sulit kepada Y.A.B Ketua Menteri Melaka  
YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

# LAMPIRAN A

**PENAMBAHBAIKAN PROSES PENDAFTRAN DAN PENGELUARAN HAKMILIK  
SEMENTARA (PERMOHONAN TANAH KERAJAAN INDIVIDU SAHAJA)**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA/PROSES</b>	<b>TINDAKAN</b>	<b>TEMPOH</b>
1	Penyediaan Permohonan ukur (PU), pelan untuk hakmilik baru dan sedia untuk dimuat naik dalam sistem eTanah.	Teknikal	
2	Penyediaan Notis 5A	Pelupusan	
3	Pemohon hadir menjelaskan Notis 5A	Pemohon	
4	Resit bayaran bagi salinan pejabat dan pemohon akan dicop oleh Unit Pelupusan	Pelupusan	10 minit
5	<b>Pendaftaran/pengeluaran HS(M) &amp; Pengeluaran Notis 5F</b>  <b>(i)Semak Permohonan</b> <b>(ii)sediakan verifikasi dokumen (VDOC)</b> <b>(iii)daftar permohonan</b> <b>(iv)keluarkan notis 5F kepada pemohon</b>	<b>Pendaftaran</b>	<b>40 minit</b>

**Tindakan**

**Proses Kerja**

**Catatan**

**PTD**

Sediakan Risalat MMKN hantar ke PTG

Risalat perlu dihantar bersekali dengan nilai tanah dan laporan JPPH daripada

**MMKN PTG**

Kelulusan MMKN diperolehi

**MMKN PTG**

Hantar Kelulusan kepada PTD

**PTD**

Penyediaan Pelan QT dan semua Fee berkaitan

- Disediakan dalam tempoh 14 hari kelulusan diterima daripada PTG

- Pelan QT perlu dimuatnaik di dalam sistem e-Tanah

**PTD**

Kemukakan notis tawaran/Notis 5A kepada pemohon

- Pemohon perlu kemukakan maklumbalas / membuat bayaran Notis 5A sebelum tamatnya tempoh Notis 5A iaitu dalam masa tiga bulan.

- Notis 5F telah disediakan

Ya

Tidak



Batalan permohonan setelah Notis 5A tamat tempoh





Charting Batal

**PTD**  
(Daftar dalam masa 1 jam bekerja dari terima resit di Unit Pembangunan Tanah bagi dokumen lengkap sahaja)

**PTG**  
(Daftar dalam masa 24 jam bekerja dari terima resit di Unit Pendaftaran PTG bagi dokumen lengkap sahaja)

Kemaskini rekod tutup fail





**\*Nota:**

**1. Masa serahan perlu dicatatkan pada resit bayaran untuk tujuan pengiraan bagi urusan pendaftaran hakmilik dalam tempoh satu jam di PTD / satu hari di PTG.**

**2. Bayaran Notis 5A hendaklah dijelaskan dalam bentuk Bank Deraf, Tunai, Kad Kredit dan wang pos sahaja.**